



Sekat proses muat turun

■ SALWANI MD ZAIN

SHAH ALAM - Pakar sosial Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Datuk Dr Mohammad Shatar Sabran, mencadangkan agar kerajaan menyekat capaian internet ke atas proses muat turun permainan Pokemon Go sebagai langkah menyokong permainan siber itu sebagai haram.

Menurutnya, tindakan itu perlu dilakukan segera

kerana pengisytiharan sebagai haram sahaja tidak mampu menyekat keghairahan baharu remaja itu dihentikan sepenuhnya.

Beliau berkata, kerajaan tidak mampu mengawasi jutaan golongan remaja yang secara langsung terlibat dalam permainan siber itu setelah ia mencetuskan satu fenomena luar biasa terutama dalam kalangan generasi muda.

"Walaupun baru beberapa

hari dilancarkan, ia sudah menjadi bualan ramai, tanpa mengira majlis, masa dan keadaan, amat memburukkan kerana ramai yang beri perhatian sepenuhnya kepada permainan ini, ia dikhuatiri menjejaskan rutin harian mereka," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (Hepa) UPM berkata, tanggungjawab seorang pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT), sudah tentu terjejas kerana masing-masing gagal menguruskan masa dengan baik.

"Tugas hakiki seperti mengulang kaji pelajaran, dan membuat tugas seperti yang diarahkan pasti tidak disempurnakan dengan baik, amat membimbangkan apabila ada yang mengabaikan masa sehingga dari pagi hingga ke malam

melayan permainan tersebut," katanya.

Tambahnya, sebagai permainan interaktif, aspek keselamatan dipandang remeh oleh segelintir individu dalam usaha mendapatkan sasaran.

"Daripada pemerhatian saya, ada kalangan mereka sanggup keluar rumah pada lewat malam untuk menjejaki dan mendapatkan Pokemon tersebut, kerana leka, mereka abai keselamatan diri kerana dibuai perasaan seronok," katanya.

Sungguhpun banyak kesan negatif, Pokemon Go juga satu permainan yang mampu menggalakkan interaktif sosial bagi individu yang suka berkurung di dalam bilik.

"Tidak banyak kesan positif yang saya nampak, hanya bagus sekiranya seseorang yang kurang bersosial kini mula untuk keluar rumah, selebihnya kesan buruk. Paling ketara dari segi prestasi kerja mulai menurun dalam kalangan pekerja, pelajaran terabai terutama kalangan pelajar sekolah dan IPT," katanya.



Muka hadapan Sinar Harian semalam.



DR MOHAMMAD SHATAR